



كمترین سومبر ۲ اوتمام دان ڦلنچوڻن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

KENYATAAN AKHBAR

MEMPERKENALKAN TEKNIK PERTANIAN MUDAH DAN MURAH BAGI GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN

Sabtu, 06 Rejab 1439 / 24 Mac 2018

“Majlis Memperkenalkan Teknik Pertanian Mudah dan Murah bagi Golongan Kurang Berkemampuan” telah berlangsung pada hari ini di Perpindahan Negara Kampong Lugu. Pelancaran disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pengarah Pertanian dan Agrimakanan; Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM); Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Pengarah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Penghulu Mukim Sengkurong, Ketua Kampong Lugu dan pegawai serta kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tujuan utama “Memperkenalkan Teknik Pertanian Mudah dan Murah bagi Golongan Kurang Berkemampuan” ini ialah untuk menambah pendapatan bagi golongan berkenaan, melalui galakan untuk menceburkan diri dalam perusahaan pertanian, khususnya penanaman sayur-sayuran menggunakan model-model teknologi hidroponik dan fertigasi yang diubahsuai dan dibuat daripada bahan-bahan terpakai dan dikitar semula, agar tidak memerlukan modal pelaburan yang tinggi, di samping keperluan kawasan perusahaan yang minima. Daripada simulasi kewangan yang dibuat, perusahaan yang dicadangkan ini dapat menghasilkan pengeluaran sayur-sayuran bernilai kira-kira \$400 - \$1,000 sebulan tertakluk kepada jenis sayur yang ditanam dan usaha gigih peserta-peserta tersebut. Modal yang diperlukan adalah antara \$30 hingga \$80 sahaja.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyerahkan model-model penanaman yang direka khas kepada 4 peserta projek dari kalangan ibu-ibu tunggal yang menerima bantuan daripada pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan beserta rombongan seterusnya membuat lawatan ke tapak projek ibu tunggal, Dayang Adeyshahmi binti Hj Mat Niah, di Kampong Bukit Panggal untuk melihat dengan lebih dekat akan perlaksanaan projek berkenaan sebagai suntikan semangat kepada peserta.

Ini disusuli dengan lawatan ke Moncherry Fruit Farm Sdn Bhd dan Ladang Chin, Kampong Padnunok, Kiudang untuk meninjau kemajuan ladang-ladang pengeluaran tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti passion fruit atau Markisa, dan sayur-sayuran. Ladang-ladang ini merupakan antara ladang-ladang yang diberikan perhatian penuh dan dijangka akan dapat menyumbang kepada peningkatan hasil-hasil pertanian dalam negara.

Ibu tunggal, Dayang Nur Haziyah binti Muhammad Abas, di Kampong Bukit Daerah Tutong adalah merupakan destinasi lawatan terakhir rombongan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengarah-Pengarah dari berbagai agensi dan juga Pegawai-Pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menyaksikan model sistem serta bersua muka dengan peserta program ini. Lawatan ini adalah juga diharap akan memberikan dorongan dan semangat kepada semua peringkat orang ramai untuk mengusahakan aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan peserta.

-Tamat-